

Sumbangan sempena Ramadan di KL ditetap di tiga lokasi

Kuala Lumpur: Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan di ibu negara disaran menyalurkan sumbangan atau makanan sempena Ramadan di tiga lokasi yang ditetapkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mus-

tafa berkata, lokasi itu ialah Anjung Kembara Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit.

“Ketiga-tiga lokasi khas ini diwujudkan sebagai inisiatif kawalan kepada kualiti makanan dan dalam masa sama menjaga keber-

sihan di sekitar Kuala Lumpur,” katanya selepas menyertai Operasi Bersepadu Menyelamatkan Gelandangan di sekitar ibu negara, awal pagi semalam.

Dr Zaliha berkata, hingga kini, ada 10 NGO yang menjadi rakan kolaborasi DBKL bagi pengagihan makanan di Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku dan

Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit manakala 16 lagi NGO adalah rakan kolaborasi Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Anjung Kembara.

“Kami tidak boleh melarang NGO yang ingin beri bantuan, cuma kita minta kerjasama mereka dan sekiranya ingin menyumbang, boleh berurusan de-

ngan Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL,” katanya.

Mengenai operasi bermula jam 1 pagi tadi (semalam), Dr Zaliha berkata, setakat jam 2.30 pagi, 150 gelandangan dibawa ke Pusat Khidmat Gelandangan Medan Tuanku untuk proses mendapatkan data de-

mografi selain mengenal pasti punca dan membantu mereka.

“Dijangka angka itu akan meningkat pada akhir operasi (jam 7 pagi), ini kerana menerusi cerapan pada 14 Februari lalu, kami dapati 414 gelandangan berada di lima lokasi *hotspot* gelandangan di sekitar Kuala Lumpur,” katanya.